



**PROGRAM JUALAN SENTUHAN RAKYAT, KRIM 2.0**

**Bantu tangani kenaikan kos sara hidup**

Persekitaran ekonomi global yang tidak menentu serta peningkatan kos sara hidup yang berlaku secara mendadak dilihat terus mencengkam kehidupan rakyat. Golongan berpendapatan rendah dan sederhana (B40 dan M40) baik yang bergelar penjawat awam, pekerja swasta mahupun yang bekerja sendiri adalah antara kelompok masyarakat yang terjejas teruk dengan keadaan ini. Akibatnya pada hari ini rata-rata nilai wang di tangan serta kemampuan belanja atau kuasa beli majoriti rakyat masih tidak begitu membe-rangsangkan.

Dalam konteks ini dua program besar yang dilihat mula memberi kesan positif dan impak yang signifikan terhadap kehidupan dan kebajikan rakyat serta membantu menangani kenaikan kos sara hidup ialah Program Jualan Sentuhan Rakyat (PJSR) dan juga projek Kedai Rakyat 1Malaysia (KRIM) 2.0. Kedua-dua projek ini dilihat mula mendapat sambutan yang menggalakkan dari seluruh kelompok masyarakat yang cukup terkesan dengan kenaikan kos sara hidup seharian.

PJSR adalah projek berkonsepkan jualan mega 'mesra rakyat' yang menawarkan harga barangan lebih rendah berbanding harga pasaran. Program ini dijadualkan berlangsung di setiap kawasan Parlimen dalam usaha mengurangkan beban dan kos sara hidup rakyat di segenap pelosok negara, di samping sebagai usaha untuk mendorong peniaga menurunkan harga barangan keperluan harian. Antara pendekatan strategik yang membolehkan peniaga yang menyertai PJSR ini dapat menjual dengan harga lebih rendah adalah kerana pihak Kementerian yang menganjurkan program ini tidak mengenakan bayaran atau sewa tapak.

Melalui program ini pihak kerajaan mensasarkan harga setiap produk yang dijual berada pada tahap lima hingga 20 peratus di bawah harga pasaran untuk memastikan kos sara hidup yang semakin meningkat dapat dikawal. Dalam program ini makanan asas seperti ayam, telur ayam, beras dan daging boleh dibeli dengan harga yang sangat murah misalnya harga beras Super 10 kilogram dalam PJSR ialah RM20 sekampit berbanding harga pasaran RM23.80. Ternyata kerjasama strategik Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam mempelopori penganjuran PJSR ini mula

memberi manfaat besar kepada rakyat. Kita percaya dengan adanya program seperti ini masalah pasaran terbuka tanpa kawalan yang membolehkan peniaga menaikkan harga sesuka hati dapat dikawal dengan berkesan.

Justeru besarlah harapan kita agar PJSR ini diadakan secara tetap dan berkala seperti dua kali sebulan di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara supaya rakyat dapat menikmati manfaat dan faedahnya secara konsisten dan berterusan. Kita yakin jika perkara ini dapat direalisasikan hasrat semua pihak untuk mengekang dan mengawal peniaga yang degil dan tamak menaikkan harga sesuka hati dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hal ini kerana jualan barangan keperluan asas dengan harga lebih rendah seperti ini pasti akan mempengaruhi harga pasaran semasa. Dan sebagai penambahbaikan kita mencadangkan agensi kerajaan menjalin kerjasama strategik dengan peniaga dan pasar raya besar untuk turut serta dalam program ini. Dengan ini rakyat dapat menikmati faedah lebih besar dan program ini juga boleh diangkat menjadi pusat sehati

jualan pelbagai barangan keperluan asas pada harga rendah dan munasabah.

Kedai Rakyat 1Malaysia pula inisiatif kerajaan sejak 2011 untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat dan baru-baru ini kerajaan melancarkan KRIM 2.0 iaitu versi yang distruktur semula dengan model baru yang lebih terbuka, berdaya saing dan memberi peluang kepada lebih ramai pemilik perniagaan runcit untuk menyertainya. Model baru ini terdiri daripada tiga kategori iaitu, pertama memabitkan konsep pasar raya iaitu melalui rangkaian pasar raya Tunas Manja Group (TMG), kategori kedua berkonsepkan *convenience* atau serbaneka khususnya di kawasan bandar seperti KK Super Mart yang terpilih. Manakala kategori ketiga melibatkan *sundry shop* atau kedai runcit biasa yang berdaya maju yang dilaksana kemudian apabila pelaksanaan kategori pertama dan kedua berjalan lancar dan dikaji secara mendalam.

Mengambil kira keluh kesah dan pelbagai maklum balas daripada pengguna memabitkan pelaksanaan KRIM sebelum ini terutama dari aspek harga jualan yang dikatakan masih mahal,

untuk versi baru ini pihak kerajaan mengambil inisiatif untuk menyerap kos pengangkutan barangan yang dijual di KRIM 2.0. Ini sekali gus berjaya membantu menyelaraskan harga barangan keperluan asas pada harga lebih berpatutan di semua premis tersebut di seluruh negara. Untuk ini kerajaan menyediakan peruntukan khusus kepada semua syarikat pengangkutan bagi pengedaran barangan jualan di KRIM 2.0 termasuk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Kita yakin penyelarasan harga oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan serta penyerapan kos pengangkutan akan menyamaratakan harga jualan barangan di seluruh negara sekali gus memberi manfaat yang besar kepada pengguna.

Penulis secara peribadi berpandangan PJSR dan KRIM 2.0 adalah dua inisiatif penting dan signifikan yang cukup bagus dan mampu membantu meringankan kos sara hidup dan perbelanjaan kehidupan seharian rakyat. Justeru besarlah harapan kita agar program seperti ini dapat diteruskan dan dilaksanakan dengan berkesan. Kita tidak mahu ia bersifat sementara, bermusim

mahupun hangat-hangat tahi ayam.

Kepada pengguna besarlah harapan kita agar gunakanlah kesempatan yang disediakan agensi kerajaan ini. Inilah masanya untuk kita menggunakan hak dan kuasa kita sebagai pengguna. Berbelanjalah secara bijak dan berhemah seperti di PJSR dan juga KRIM 2.0 yang menjual barangan keperluan dengan harga yang jauh lebih rendah. Inilah juga masanya untuk kita mengajar peniaga yang selama ini begitu ego, tamak, degil dan mengambil kesempatan ke atas pengguna. Dengan cara ini kita boleh memaksa dan mendesak peniaga menurunkan harga sekali gus akan membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup rakyat secara keseluruhannya. Semoga inisiatif berterusan pihak kerajaan seperti menganjurkan PJSR dan menjenamakan semula KRIM 2.0 serta pelbagai inisiatif yang lain secara konsisten mampu menyantuni masalah rakyat serta membantu menjaga kebajikan dan meningkatkan taraf hidup seluruh rakyat Malaysia.

**Penulis Timbalan Pendaftar  
Fakulti Kejuruteraan  
Universiti Putra Malaysia**

**Dialog Kotaraya**

**Oleh Juragan**

